



JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Web : <http://www.jpnpenang.edu.my>

"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj.Kami : JPNPP(UKK)100 – 4/4 Jld. 6 ()
Tarikh : 20 Mac 2015 / 29 Jamadil Awal 1436H

8TH Penang Company (EPCOM)
Air Itam Chinese Methodist Church
Jalan Paya Terubong
11500 Air Itam, Penang.

(No. Tel : 04-8283200 No. Faks : 04-8262363)

Tuan,

PERMOHONAN MENGANJURKAN PERKHEMAHAN LATIHAN TAHUNAN (ANNUAL TRAINING CAMP)

Dengan hormatnya surat tuan adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Pulau Pinang **tiada halangan** membenarkan pihak tuan menganjurkan program tersebut dan menjemput ahli-ahli Briged Putera dan Puteri sekolah-sekolah di Pulau Pinang (**SMJK Chung Ling, SMJK Sacred Heart, SMJK Union, SMK Air Itam dan SMJK Perempuan China**) untuk menyertai program tersebut mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 04 hingga 07 Jun 2015
Hari : Khamis hingga Ahad
Masa : 7.00 pagi (Khamis) hingga 1.30 petang (Ahad)
Tempat : Hutan Lipur Teluk Bahang

3. Walau bagaimanapun, aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2009, Bil. 9/2004 dan Bil. 7/1988 diantaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- 3.1 Penglibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua dan Guru Besar sekolah terlibat
- 3.2 Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan
- 3.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan
- 3.4 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka
- 3.5 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan
- 3.6 Kebajikan makan dan minum guru-guru serta murid-murid disediakan

4. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa penyertaan guru dan murid dalam program tersebut **tidak akan memberi implikasi kewangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat**. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru atau ibubapa/penjaga murid berkenaan. Pihak tuan juga dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Pengetua / Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan.